

**PENGUPAYAAN PSIKOLOGI SEBAGAI PERANTARA
TERHADAP HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN
TRANSFORMASI DAN KOMITMEN ORGANISASI
DI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR**

IDAYATI BINTI HARUN @ ABD RAHMAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENGUPAYAAN PSIKOLOGI SEBAGAI PERANTARA TERHADAP
HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN TRANSFORMASI DAN KOMITMEN
ORGANISASI DI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

IDAYATI BINTI HARUN @ ABD RAHMAN

Disertasi ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia)

Fakulti Pengurusan
Universiti Teknologi Malaysia

DISEMBER 2016

DEDIKASI

*Syukur dan Terima Kasih Allah
Untuk Cinta Dan Anugerah Ilmu Ini
Semoga Berpahala Buat Insan-Insan Tersayang*

*Arwah Abah & Ma,
Allahyarham Harun @ Abd Rahman bin Muhammad
Zainab binti Salleh*

*Untuk Kakak Dan Abang-Abang,
Rohaya Harun
Allahyarham Jamarulang Harun
Jamari Abd Rahman*

*Semoga Syurga Tempat Pertemuan Abadi
Amin....*

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Selawat dan Salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wassallam. Segala Puji-Pujian Mutlak hanya bagiNya. Alhamdulillah Syukur ke hadrat Ilahi dengan Limpah, Rahmat, Kurnia, Inayah dan IzinNya, saya dapat melengkapkan disertasi ini dengan sempurna dan jayanya. Jutaan terima kasih kepada Dr. Shah Rollah bin Abdul Wahab selaku Penyelia Disertasi Sarjana di atas keikhlasan membimbing, mendidik dan memberi tunjuk ajar dalam menghasilkan disertasi yang berkualiti. Semoga Allah menganjari keberkatan dan pahala berpanjangan terhadap perkongsian ilmu dan idea sepanjang menyelia saya. Terima kasih juga buat Penilai Disertasi Sarjana Prof Madya Dr Siti Aisyah Panatik dan Prof Madya Dr Kassim Thukiman kerana sudi memberi komen membina dan cadangan penambaan terhadap disertasi ini.

Penghargaan terima kasih ditujukan juga kepada pihak organisasi Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) di atas kerjasama yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Terima kasih akhir sekali didedikasikan untuk semua ahli keluarga tercinta, rakan-rakan sekuliah dan rakan-rakan seperjuangan serta insan-insan istimewa yang tidak jemu dan penat memberi sokongan, dorongan dan semangat terutamanya Makcik Anisah, Ayah Atan, Nuraini Sarkawi, Farah Nadia Zainul Abidin dan Wan Nur Nasuha Wan Hanapi. Semoga jasa, bantuan, pengorbanan dan kasih sayang kalian diberkati dan diganjari syurga abadi oleh Allah Subhanahu wa Ta’ala. Amin.

ABSTRAK

Kebanyakan kajian lepas memfokuskan kepada kesan dan pengaruh gaya kepimpinan transformasi terhadap komitmen organisasi. Namun demikian, sikap dan tingkah laku pekerja seperti persepsi terhadap pekerjaan iaitu pengupayaan psikologi (psychological empowerment) juga berupaya meningkatkan komitmen organisasi pekerja. Matlamat kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kesan pengupayaan psikologi sebagai perantara terhadap hubungan gaya kepimpinan transformasi dan komitmen organisasi di Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ). Sebanyak 90 soal-selidik diterima daripada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG41 hingga DG54 yang terpilih sebagai responden. Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang mengandungi instrumen *Organizational Commitment Questionnaire* (OCQ), *Multifactor Leadership Questionnaire* (MLQ) dan *Psychological Empowerment Questionnaire* (PEQ). Analisis statistik deskriptif dan statistik inferensi merangkumi regresi linear mudah dan regresi linear berganda digunakan untuk tujuan analisis data. Pengkaji telah menggunakan tiga persamaan regresi melalui analisis statistik berganda berdasarkan Baron dan Kenny (1986) untuk tujuan penentuan kesan pengupayaan psikologi sebagai perantara. Dapatan kajian membuktikan bahawa terdapat kesan yang signifikan antara gaya kepimpinan transformasi dan komitmen organisasi. Selain itu, gaya kepimpinan transformasi juga memberi kesan terhadap pengupayaan psikologi. Pengupayaan psikologi didapati memainkan peranan yang signifikan sebagai perantara kepada hubungan gaya kepimpinan transformasi ke atas komitmen organisasi. Penemuan terpenting kajian mendedahkan bahawa pengupayaan psikologi mengantara dengan lengkap hubungan gaya kepimpinan transformasi terhadap komitmen organisasi. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang kepentingan gaya kepimpinan transformasi dan kesan pengupayaan psikologi dalam meningkatkan komitmen organisasi.

ABSTRACT

Most previous studies focused on the effect and influence of transformational leadership style on organizational commitment. However, it is believed that the employees' attitude and behavior such as the perception towards work (psychological empowerment) are crucial to boosting employees' organizational commitment. This study was carried out to analyze the mediating effect of psychological empowerment on the relationship between transformational leadership and organizational commitment in the Johore State Education Department. 90 respondents who were Education Service Officer ranked from DG41 to DG54, were involved in this study. The questionnaires consisted of *Organizational Commitment Questionnaire* (OCQ), *Multifactor Leadership Questionnaire* (MLQ) and *Psychological Empowerment Questionnaire* (PEQ). Descriptive and inferential statistics that include simple linear and multiple linear regressions were used to analyze the data. Three statistical regression analyses based on Baron and Kenny (1986) assumptions were used for the purpose of determining the effect of psychological empowerment as mediator. The findings prove that there is a significant effect of transformational leadership style towards organizational commitment. Besides, transformational leadership also affect psychological empowerment. Psychological empowerment demonstrates a significant role as the mediator to the relationship of transformational leadership style towards organizational commitment. The most important findings of the study reveals that psychological empowerment fully mediates the relationship between transformational leadership style and organizational commitment. This study contributes to the understanding of the importance of transformational leadership style and the impact of psychological empowerment in improving organizational commitment.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xvi
	SENARAI SIMBOL	xviii
	SENARAI SINGKATAN	xix
	SENARAI LAMPIRAN	xx
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Persoalan Kajian	8
	1.5 Matlamat Kajian	8
	1.6 Objektif Kajian	9
	1.7 Skop Kajian	9

1.8	Batasan Kajian	10
1.9	Kepentingan Kajian	11
1.9.1	Organisasi	11
1.9.2	Bidang Ilmu	11
1.10	Definisi Konseptual dan Operasional	12
1.10.1	Komitmen Organisasi	12
1.10.2	Kepimpinan Transformasi	13
1.10.3	Pengupayaan Psikologi	14
1.11	Kesimpulan	15
2	KAJIAN LITERATUR	17
2.1	Pengenalan	17
2.2	Kepimpinan Transformasi	17
2.2.1	Model Kepimpinan Transformasi Slocum dan Hellriegel (2007)	20
2.2.2	Model Kepimpinan Transformasi Bass(1985)	21
2.2.3	Dimensi Kepimpinan Transformasi Slocum dan Hellriegel (2007)	24
2.2.4	Dimensi Kepimpinan Transformasi Bass (1985)	25
2.3	Pengupayaan Psikologi	26
2.3.1	Model Motivasi Kerja Intrinsik Thomas dan Velthouse (1990)	28
2.3.2	Teori Pengupayaan Psikologi Spreitzer(1995)	31
2.3.3	Dimensi Motivasi Kerja Intrinsik Thomas dan Velthouse (1990)	34

2.3.4	Dimensi Pengupayaan Psikologi Spreitzer (1995)	36
2.4	Komitmen Organisasi	38
2.4.1	Teori Komitmen O'Reilly dan Chatman (1986)	39
2.4.2	Model Komitmen Organisasi Meyer dan Allen(1991)	40
2.4.3	Dimensi Komitmen O'Reilly dan Chatman (1986)	43
2.4.4	Dimensi Komitmen Organisasi Meyer dan Allen (1991)	44
2.5	Kajian-kajian Lepas dan Pembentukan Hipotesis	46
2.5.1	Kepimpinan Transformasi dan Komitmen Organisasi	46
2.5.2	Kepimpinan Transformasi dan Pengupayaan Psikologi	54
2.5.3	Pengupayaan Psikologi dan Komitmen Organisasi	58
2.5.4	Pengupayaan Psikologi sebagai Perantara terhadap Gaya Hubungan Kepimpinan Transformasi dan Komitmen Organisasi	63
2.6	Kerangka Asas Kajian	67
2.7	Kerangka Konseptual Kajian	70
2.8	Kesimpulan	71
3	METODOLOGI KAJIAN	73
3.1	Pengenalan	73
3.2	Rekabentuk Kajian	73

3.3	Latar Belakang Lokasi Kajian	76
3.4	Populasi	78
3.5	Instrumen Kajian	78
3.5.1	Borang Soal Selidik	78
3.5.2	Bahagian A : Komitmen Organisasi	80
3.5.3	Bahagian B : Kepimpinan Transformasi	80
3.5.4	Bahagian C : Pengupayaan Psikologi	81
3.5.5	Bahagian D : Profil Demografi Responden	81
3.6	Prosedur Penterjemahan Instrumen Soal Selidik (<i>Back translation</i>)	81
3.7	Kajian Rintis	82
3.7.1	Kebolehpercayaan	83
3.7.1.1	Kebolehpercayaan Ketekalan Dalaman	85
3.7.2	Kesahan	85
3.8	Ujian Analisis	87
3.8.1	Ujian Taburan Normal	87
3.8.2	Ujian Lineariti	90
3.8.3	Analisis Multikollineariti	91
3.9	Kaedah Analisis Data	92
3.9.1	Analisis Statistik Deskriptif	93
3.9.2	Analisis Statistik Inferensi	94
3.9.3	Analisis Regresi	95
3.9.3.1	Regresi Linear Mudah	96
3.9.3.2	Regresi Linear Berganda	97
3.9.3.3	Analisis Kesan Perantara (Mediator)	98
3.10	Kesimpulan	101

4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	102
4.1	Pengenalan	102
4.2	Demografi Responden	102
4.2.1	Analisis Demografi Responden	103
4.3	Analisis Deskriptif Pembolehubah Kajian	105
4.3.1	Komitmen Organisasi	105
4.3.2.1	Komitmen Afektif	105
4.3.2.2	Komitmen Berterusan	106
4.3.2.3	Komitmen Normatif	109
4.3.2.4	Keseluruhan Komitmen Organisasi	110
4.3.3	Kepimpinan Transformasi	111
4.3.3.1	Dimensi Rangsangan Intelektual	111
4.3.3.2	Dimensi Pertimbangan Individu	112
4.3.3.3	Dimensi Kepimpinan Karismatik	114
4.3.3.4	Dimensi Inspirasi Motivasi	117
4.3.3.5	Keseluruhan Kepimpinan Transformasi	122
4.3.4	Pengupayaan Psikologi	123
4.3.4.1	Dimensi Makna	123
4.3.4.2	Dimensi Kompetensi	124
4.3.4.3	Dimensi Keazaman Kendiri	125
4.3.4.4	Dimensi Impak	126
4.3.4.5	Keseluruhan Pengupayaan Psikologi	127
4.4	Analisis Statistik Inferensi	128
4.5	Objektif 1: Kesan signifikan gaya kepimpinan transformasi terhadap komitmen organisasi.	128
4.6	Objektif 2: Kesan signifikan gaya kepimpinan transformasi terhadap pengupayaan psikologi.	130
4.7	Objektif 3: Kesan signifikan pengupayaan	131

	psikologi terhadap komitmen organisasi.	
4.8	Objektif 4: Kesan signifikan pengupayaan psikologi sebagai perantara terhadap hubungan di antara gaya kepimpinan transformasi dan komitmen organisasi.	132
4.9	Kesimpulan	137
5	PERBINCANGAN DAN CADANGAN	138
5.1	Pengenalan	138
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	
5.2.1	Objektif 1 : Kesan signifikan gaya kepimpinan transformasi terhadap komitmen organisasi dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan JPNJ.	139
5.2.2	Objektif 2 : Kesan signifikan gaya kepimpinan transformasi terhadap pengupayaan psikologi dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan JPNJ.	140
5.2.3	Objektif 3 : Kesan signifikan pengupayaan psikologi terhadap komitmen organisasi dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan JPNJ.	142
5.2.4	Objektif 4 : Kesan signifikan pengupayaan psikologi sebagai perantara terhadap hubungan di antara gaya kepimpinan transformasi dan komitmen organisasi dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan JPNJ.	143

5.3	Sumbangan Kajian	145
5.4	Batasan Kajian	146
5.5	Cadangan	147
5.5.1	Cadangan Pengkaji Akan Datang	147
5.5.2	Cadangan Organisasi	148
5.5.3	Cadangan Pekerja	150
5.6	Kesimpulan	151
	RUJUKAN	154-192
	SURAT KEBENARAN KAJIAN KPM	193
	SOAL SELIDIK	194-202

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Taburan Pembahagian Soalan Borang Soal-Selidik	79
3.2	Skala Jenis Likert	80
3.3	Jadual Nilai <i>Cronbach's Alpha</i>	84
3.4	Dapatan kajian rintis	85
3.5	Nilai Kollineariti Komitmen Organisasi (Pembolehubah Bersandar) dan Kepimpinan Transformasi (Pembolehubah Tidak Bersandar)	92
3.6	Nilai Kollineariti Komitmen Organisasi (Pembolehubah Bersandar) dan Pengupayaan Psikologi (Pembolehubah Mediator)	92
3.7	Tahap Persetujuan Berdasarkan Julat Min	94
3.8	Syarat penerimaan dan penolakan terhadap hipotesis kajian	95
3.9	Objektif Kajian dan Kaedah Analisis Data	101
4.1	Dapatan Demografi Kajian berdasarkan Kekekapan dan Peratusan.	104
4.2	Jadual Statistik Deskriptif Dimensi Komitmen Afektif	105
4.3	Jadual Statistik Deskriptif Dimensi Komitmen Berterusan	106
4.4	Jadual Statistik Deskriptif Dimensi Komitmen Normatif	109
4.5	Hasil Analisis Komitmen Organisasi dan Dimensi	111
4.6	Statistik Deskriptif Dimensi Rangsangan Intelektual	111
4.7	Statistik Deskriptif Dimensi Pertimbangan Individu	112

4.8	Statistik Deskriptif Dimensi Kepimpinan Karismatik	114
4.9	Statistik Deskriptif Dimensi Inspirasi Motivasi	117
4.10	Hasil Analisis Kepimpinan Transformasi dan Dimensi	123
4.11	Statistik Deskriptif Dimensi Makna	123
4.12	Statistik Deskriptif Dimensi Kompetensi	124
4.13	Statistik Deskriptif Dimensi Keazaman Kendiri	125
4.14	Statistik Deskriptif Dimensi Impak	126
4.15	Hasil Analisis Pengupayaan Psikologi dan Dimensi	127
4.16	Ringkasan Model Analisis Regresi Linear Mudah	129
4.17	Ringkasan Model Analisis Regresi Linear Mudah	130
4.18	Ringkasan Model Analisis Regresi Linear Mudah	131
4.19	Ringkasan Model Analisis Regresi Berganda Linear	132
4.20	Ringkasan Dapatan Kajian	137

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
2.1	Model Kepimpinan Transformasi Slocum dan Hellriegel	20
2.2	Kepimpinan Transformasi dan Usaha Tambahan Pengikut Bass	22
2.3	Model Motivasi Kerja Intrinsik	31
2.4	Model Pengupayaan Psikologi Spreitzer	34
2.5	Model Komitmen Organisasi	46
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	70
3.1	Proses Reka Bentuk Kajian	74
3.2	Struktur Organisasi Jabatan Pendidikan Negeri Johor	77
3.3	Histogram bagi Pemboleh Ubah Bersandar dan Pembolehubah Tidak Bersandar	88
3.4	Histogram bagi Pembolehubah Bersandar dan Perantara (Mediator)	88
3.5	Plot Normal Q-Q bagi Pembolehubah Bersandar dan Pemboleh Ubah Tidak Bersandar	89
3.6	Plot Normal Q-Q bagi Pembolehubah Bersandar dan Perantara (Mediator)	89
3.7	Plot Serakan " <i>Standardized Residual</i> " bagi Pembolehubah Bersandar dan Pembolehubah Tidak Bersandar	90
3.8	Plot Serakan " <i>Standardized Residual</i> " bagi Pembolehubah Bersandar dan Perantara (Mediator)	91

4.1	Model Mudah Perantara Pengupayaan Psikologi Terhadap Hubungan Gaya Kepimpinan Transformasi dan Komitmen Organisasi.	136
-----	---	-----

SENARAI SIMBOL

%	Peratus
Y	Pembolehubah bersandar
X	Pembolehubah bebas
M	Perantara (mediator)
b_0	Koefisien (pekali) untuk pembolehubah bersandar
b	Koefisien (pekali) untuk pembolehubah bebas
e	Residual regresi
i	Nilai pemalar pemboleh ubah bebas
f	Frekuensi
B	Nilai beta unstandardized koefisien
β	Nilai beta
p	Aras signifikan
**	Aras signifikan pada 0.05
>	Lebih daripada
<	Kurang daripada

SENARAI SINGKATAN

JPNJ	:	Jabatan Pendidikan Negeri Johor
MLQ	:	<i>Multifactor Leadership Questionnaire</i>
OCQ	:	<i>Organizational Commitment Questionnaire</i>
PEQ	:	<i>Psychological Empowerment Questionnaire</i>
		Gred Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
DG41	:	Perkhidmatan 1-8 tahun)
		Gred Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
DG44	:	Perkhidmatan 1-16 tahun)
		Gred Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
DG48	:	Perkhidmatan 1-24 tahun)
		Gred Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
DG52	:	Perkhidmatan 1-28 tahun)
		Gred Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
DG54	:	Perkhidmatan 1-32 tahun)
SPSS	:	<i>Statistical Package for Social Science</i>
PPD	:	Pejabat Pendidikan Daerah
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
EKSA	:	Ekosistem Kondusif Sektor Awam
CPD	:	Pembangunan Profesionalisme Berterusan

SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Surat Kebenaran Kajian KPM	193
B	Borang Soal Selidik	194-201

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang kajian yang ingin dilaksanakan dengan menghuraikan latar belakang kajian dan pernyataan masalah yang menjurus kepada persoalan-persoalan kajian. Matlamat kajian dan objektif kajian ditetapkan untuk memudahkan proses kajian dijalankan. Skop kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian juga dijelaskan dalam bab ini. Definisi konseptual dan operasional komitmen organisasi, kepemimpinan transformasi dan pengupayaan psikologi diterangkan pada bahagian akhir bab ini. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengupayaan psikologi sebagai perantara terhadap hubungan antara gaya kepemimpinan transformasi dan komitmen organisasi.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pekerja merupakan aset tenaga dan tulang belakang organisasi yang paling penting dalam persekitaran yang kompetitif (Sayyed Mohsen *et al.*, 2012; Fatemeh *et al.*, 2013; Muna dan Atasya, 2013). Menurut Joo dan Shim (2010) dan Sylviz Nabila Azwa dan Arsiah (2012) dan Keskes (2014), persekitaran kompetitif memerlukan komitmen terhadap organisasi yang tinggi dalam kalangan pekerja. Komitmen organisasi merupakan elemen utama yang mempengaruhi kejayaan dan prestasi organisasi (Joo dan Lim, 2010; Noraishah, 2011; Joseph *et al.*, 2014). Menurut O'

Malley, (2000) dan Asri dan Harmila, (2007), komitmen pekerja adalah satu keperluan dalam perkembangan dan kemajuan organisasi. Komitmen organisasi merujuk kepada kesediaan pekerja menyumbang kepada usaha yang besar terhadap organisasi melalui pencapaian nilai dan matlamat (Nagar, 2012). Tingkah laku dan sikap pekerja yang konsisten dengan kehendak organisasi (Weiner, 1982) merupakan pengukur utama kepada konsep komitmen dalam organisasi (Meyer dan Allen, 1991). Kekuatan hubungan psikologi antara pekerja dan organisasi (Meyer dan Allen, 1997; Cooper-Hakim dan Viswesvaran, 2005) mewujudkan keinginan individu untuk setia iaitu kekal menyumbang dan terlibat tanpa paksaan demi kepentingan organisasi (Swales, 2000; Noraishah, 2011).

Komitmen organisasi berkait rapat dengan keberkesanan pengurusan sumber manusia (Meyer dan Allen, 1997; Asri dan Hamrila, 2007; Norasmah *et al.*, 2012). Menurut Yin Fah *et al.*, (2010), organisasi kini mencari pekerja baru yang berupaya memenuhi tuntutan kebolehpasaran kerja semasa (Norhasni, 2014) iaitu komited terhadap organisasi (Noraishah, 2011; Bahyah, 2013). Komitmen dalam kalangan pekerja menggambarkan kualiti kepimpinan dalam sesebuah organisasi (Keskes, 2014). Nabila Azwa (2010) menyatakan bahawa komitmen organisasi antara aspek yang menjadi perhatian penting dalam kalangan pemimpin sesebuah organisasi. Persekitaran global dan kompetitif menuntut pemimpin berperanan dalam mempengaruhi komitmen pekerja agar berani mengambil inisiatif perubahan, sanggup menanggung risiko, dan merangsang inovasi serta kreativiti untuk kejayaan organisasi (Spreitzer, 1995; Bartram dan Casimir, 2005; Bordin *et al.*, 2007). Ini disokong oleh Njoroje *et al.*, (2015) dan Fung Wu *et al.*, (2006) menyatakan bahawa 45% hingga 65% indikator utama yang mempengaruhi kejayaan atau kegagalan organisasi adalah bergantung kepada pemimpin. Pemimpin yang berkarisma, bermotivasi dan optimis diperlukan untuk memimpin pekerja yang berkomitmen tinggi, berbakat, fleksibel dan cepat menyesuaikan diri dalam menghadapi cabaran persekitaran yang pesat berubah (Islam *et al.*, 2014; Mei Lan dan Ying Chong, 2015).

Kepimpinan merupakan faktor dominan yang mempengaruhi komitmen pekerja terhadap organisasi (Meyer dan Allen; 1991; Wan Faridah Akmal, 2002; Abd Aziz, 2007; Mareena *et al.*, 2011). Menurut Norasmah *et al.*, (2012), elemen

kepimpinan penting untuk mencorak dan membentuk pekerja ke arah tenaga kerja yang komited. Kepimpinan transformasi berperanan penting dalam meningkatkan komitmen organisasi (Walumba *et al.*, 2005; Barling *et al.*, 1996; Kevin Kelloway *et al.*, 2000; Azman *et al.*, 2011; Kim, 2012). Kepimpinan transformasi merupakan kepimpinan yang mengembangkan wawasan, visi dan matlamat kepada individu, kumpulan dan organisasi melibatkan proses mempengaruhi sikap dan tingkah laku pekerja untuk mencapai transformasi dalam organisasi (Carlson dan Perrew, 1995; Wan Faridah *et al.*, 2002; Yusnita *et al.*, 2012). Bass (1985), Yammarino dan Bass (1990) dan Limsila dan Ogunlana (2008) menegaskan bahawa kepimpinan transformasi menggalakkan pekerja untuk melakukan inovasi dalam menghadapi cabaran status quo. Pemimpin bersifat transformasi memberi inspirasi dengan memotivasikan pekerja untuk memaksimumkan penggunaan potensi diri agar menjadi pekerja yang lebih komited dalam organisasi (Dvir *et al.*, 2002; Welty Peachey *et al.*, 2014).

Kepimpinan transformasi mempengaruhi komitmen pekerja dalam aspek membuat keputusan, kesetiaan pada organisasi dan pembangunan pekerja (Avolio, 1999; Avolio *et al.*, 2004). Pekerja bermotivasi untuk melakukan tugas lebih masa, melibatkan diri secara aktif dalam penyelesaian masalah dan membuat keputusan apabila mereka mendapat kepercayaan yang tinggi dari pemimpin bersifat transformasi (Podsakoff, 1996). Ini mendorong pekerja untuk lebih komited, kekal dan setia dalam organisasi (Ab Aziz, 2003). Kepimpinan transformasi menggunakan pendekatan motivasi untuk meningkatkan komitmen pengikut terhadap organisasi dalam mencapai prestasi organisasi yang tinggi (Walumba dan Lawler, 2003; Albrecht, 2005). Zhu *et al.*, (2004), Xenikou dan Simosi, (2006) dan Welty Peachey *et al.*, (2014) menyatakan bahawa pemimpin bersifat transformasi membina hubungan yang baik terhadap pekerja dengan meningkatkan nilai intrinsik pekerja melalui perkongsian matlamat, misi dan wawasan yang sama dalam organisasi. Pemimpin akan bersikap optimistik, bersedia memikul tanggungjawab dan tidak membebankan pekerja untuk membangkit dan mengekalkan semangat kerja serta memaksimumkan penggunaan potensi diri (Ab Aziz, 2003). Pengaruh ideal dan rangsangan intelektual mempengaruhi emosi dan kepercayaan pekerja (Garcia-Morales *et al.*, 2012; Vincent-Hoper *et al.*, 2012) apabila pemimpin transformasi memberikan cabaran

untuk menghasilkan dampak terbaik dalam pekerjaan (Ab Aziz, 2003). Emosi dan kepercayaan mewujudkan kesan psikologi yang menimbulkan persepsi untuk mengawal dan mempengaruhi pekerjaan yang dikenali sebagai pengupayaan psikologi (Spreitzer, 2007; Abdullah Kaid *et al.*, 2012).

Gumusluoglu dan Iisev, (2009); Pieterse *et al.*, (2009); Seibert *et al.*, (2011); Fatemeh *et al.*, (2013) dan Shadi Rahbar *et al.*, (2014) mendapati bahawa kepimpinan transformasi mempengaruhi pengupayaan psikologi pekerja melalui aspek makna, kompetensi, keazamanan sendiri dan dampak dalam pekerjaan. Gumusluoglu dan Iisev, (2009) menjelaskan pemimpin bersifat transformasi meningkatkan keyakinan pekerja dengan memberikan cabaran supaya mereka merasai kepentingan dan makna terhadap pekerjaan (Spreitzer, 1995). Keyakinan mempengaruhi perasaan kompeten dan dampak apabila pemimpin karismatik berperanan sebagai 'role model' dengan memberikan tunjuk ajar dan bimbingan kepada pekerja dalam melaksanakan pekerjaan (Seibert *et al.*, 2011). Kepimpinan transformasi merangsang intelektual pekerja untuk berfikir sendiri dan menjana idea-idea baru yang kreatif dan inovatif bagi mempengaruhi keazamanan sendiri agar optimis walaupun menghadapi kesukaran dalam pekerjaan (Ryan dan Deci, 2000; Afshari, 2011; Seibert *et al.*, 2011). Minat dan sikap positif pekerja terhadap pekerjaan akan sentiasa meningkat apabila mendapat inspirasi dan motivasi yang tinggi daripada pemimpin bersifat transformasi (Afshari, 2011). Menurut Jha (2014), menjelaskan pengupayaan psikologi berupaya meningkatkan kompetensi, daya tahan dan tanggungjawab pekerja terhadap pekerjaan agar lebih fokus dan komited (Bartram dan Casimir, 2007).

Elemen pengupayaan psikologi relevan sebagai faktor penentu terhadap komitmen pekerja dalam organisasi (Joo dan Shim, 2010; Pelit dan Ozturk, 2011). Apabila organisasi menyediakan peluang untuk pekerja bersama-sama bertanggungjawab dan berautonomi dalam melaksanakan pekerjaan, maka peluang membuat keputusan penting, menyuarakan pendapat dan pandangan peribadi mereka lebih terbuka (Meyer dan Allen, 1991; Seibert *et al.*, 2011). Natiujahnya mereka lebih komited dalam pekerjaan apabila wujudnya elemen pengupayaan psikologi (Seibert *et al.*, 2011; Onn Yuen *et al.*, 2011). Selain itu, pengupayaan psikologi merupakan elemen yang sesuai dalam meningkatkan efikasi sendiri dan kompetensi pekerja bagi

membangunkan potensi diri melalui kepemimpinan transformasi (Prabhashini dan Pavithra, 2015). Pemimpin bersifat transformasi menggalakkan pekerja untuk membuat keputusan sendiri, memberikan impak terhadap perubahan inisiatif dan berfikiran kreatif serta inovatif untuk memberikan makna dalam pekerjaan (Jha, 2014). Ini disokong oleh Bass, (1999); Avolio *et al.*, (2004); Barroso Castro *et al.*, (2008) bahawa pengupayaan psikologi sesuai dan relevan berperanan sebagai perantara terhadap gaya kepemimpinan transformasi dan komitmen kerja dalam sesebuah organisasi.

1.3 Pernyataan Masalah

Pekerja merupakan aset sumber manusia yang berperanan utama dalam setiap aktiviti organisasi (Bano Fakhra, 2013) namun sekiranya tidak disokong oleh sumber manusia yang kompeten dan berkomitmen tinggi, semua aktiviti organisasi tidak dapat berjalan dengan baik (Sellvy dan Noor Siti, 2013). Sumber manusia penting dalam mempengaruhi komitmen organisasi (Henkin dan Marchiori, 2003). Namun terdapat dakwaan segelintir kakitangan sektor awam tidak komited dan tidak kompeten terhadap pekerjaan (Roslan dan Nik Rosnah, 2008). Dapatan kajian lepas membuktikan gaya kepemimpinan yang tidak bersesuaian memberikan kesan terhadap penurunan komitmen pekerja (Mareena dan Norhasni, 2011; Sellvy dan Noor Siti, 2010). Menurut Basham (2012), ketua yang gagal membangunkan potensi pekerja sesuai dengan visi, misi dan matlamat organisasi mempengaruhi penurunan komitmen. Ini disokong oleh Cheung (2000) bahawa tanpa sokongan ketua terhadap pekerja, ianya mengundang kepada keretakan hubungan. Hubungan ketua pekerja boleh terjejas apabila pekerja tidak diberi tanggungjawab dan autoriti oleh ketua (Othman dan Ishak, 2008).

Ironi daripada gejala ini, pekerja hilang kepercayaan terhadap ketua dan lebih selesa mengekalkan status quo (Omid, 2014; Panayiotis *et al.*, 2011). Seterusnya, pekerja cenderung tidak setia dan meninggalkan organisasi (Pascal *et al.*, 2011; NoorLaila dan Wan Nurshafiah, 2015). Timbul persoalan, gaya kepemimpinan manakah yang relevan dalam menangani isu kemerosotan komitmen organisasi. Menurut

Thamrin (2012), satu kaedah untuk membina komitmen organisasi dalam kalangan pekerja adalah melalui kepimpinan transformasi. Pemimpin transformasi mempunyai keupayaan menggunakan sumber manusia secara optimum dengan menyediakan latihan, bengkel dan program perkongsian mentor untuk meningkatkan komitmen pekerja (Thamrin, 2012). Hal ini mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian gaya kepimpinan transformasi dan komitmen organisasi di sektor awam khususnya organisasi pendidikan.

Seterusnya, sikap ketua yang kkuatir kehilangan kuasa, kawalan dan autoriti juga memberikan impak negatif terhadap pengupayaan psikologi pekerja (Sylviz Nabila Azwa dan Arsiyah, 2012). Masalah wujud apabila ketua tidak bersedia memberikan tanggungjawab kepada pekerja kerana tidak sanggup melepaskan kawalan dan tidak mempercayai keupayaan mereka (Ab Aziz, 2008). Nik Azida (2007) dan Sylviz Nabila Azwa dan Arsiyah, (2012) mendapati bahawa ketua menghalang pekerja untuk bebas bertindak mengikut pertimbangan sendiri dengan tidak memberikan autoriti dalam pekerjaan. Ini disokong Au (1995) bahawa pekerja yang rendah pengupayaan psikologi dipengaruhi oleh faktor kurang sokongan dan kuasa dari ketua yang menyebabkan mereka tidak bermotivasi. Natiujahnya, pekerja tidak mempunyai kepercayaan diri dan tidak yakin sehingga menjadi kurang efektif dan tidak bersemangat dalam pekerjaan (Pieterse *et al.*, 2009). Tingkah laku ini mempengaruhi persepsi pekerja yang menyebabkan masalah ketidakcekapan dan mengekang potensi dan kreativiti (Attari, 2013). Ini disokong Janssen (2005) bahawa masalah kreativiti dan motivasi pekerja dipengaruhi oleh pengupayaan psikologi yang dirangsang oleh kepimpinan. Kajian Afshari *et al.*, (2011) membuktikan bahawa gaya kepimpinan transformasi mempengaruhi pengupayaan psikologi dengan merangsang kreativiti pekerja. Selain itu, pengupayaan psikologi berkait rapat dengan sikap dan tingkah laku pekerja yang berupaya mempengaruhi komitmen organisasi (Forrester, 2000; Kabriaei *et al.*, 2013).

Komitmen organisasi dipengaruhi oleh sikap dan tingkah laku individu (Seibert *et al.*, 2011). Teori Pengupayaan Psikologi Spreitzer menjelaskan persepsi dan tanggapan pemikiran berupaya mempengaruhi sikap dan tingkah laku (Askel, 2013; Spreitzer dan Quinn, 1999). Pengupayaan psikologi yang rendah dikenalpasti

menyumbang kepada penurunan komitmen organisasi (Kebriaei *et al.*, 2013). McArthur (2002) mendapati tahap pengupayaan psikologi rendah mengundang berlakunya konflik di antara ketua dan pekerja. Pekerja berasa terabai dan tidak gembira menyebabkan komitmen menurun (Jha, 2014). Ini disokong oleh Aziah *et al.*, (2016) bahawa pekerja yang rendah pengupayaan psikologi tidak merasakan pekerjaan bermakna, kurang keyakinan dalam kemahiran dan kebolehan, tiada kebebasan dalam membuat keputusan yang mempengaruhi komitmen. Ini membuktikan bahawa tanpa pengupayaan psikologi yang tinggi, komitmen organisasi individu tidak dapat ditingkatkan. Selain itu, dapatan kajian lepas pengupayaan psikologi dan komitmen organisasi didapati tidak konsisten (Kebriaei *et al.*, 2014). Dapatan kajian lepas mendapati wujudnya hubungan positif (Mastracci, 2009) dan hubungan negatif yang signifikan (Moynihan dan Pandy, (2008). Beberapa dimensi pengupayaan psikologi adalah positif (Bhatnagar, 2007) dan negatif terhadap komitmen organisasi (Chen dan Chen, 2008). Hal ini mendorong pengkaji untuk menguji pengupayaan psikologi yang bertindak sebagai peramal dalam memberi kesan terhadap komitmen organisasi.

Kebanyakan kajian lepas memfokuskan kepada kesan dan pengaruh gaya kepimpinan transformasi terhadap komitmen organisasi (Yusnita *et al.*, 2012; Bano Fakhra, 2013; Wiza dan Hlanganipai 2014; Njoroge, 2015). Namun terdapat hubungan yang lemah di antara gaya kepimpinan transformasi terhadap komitmen organisasi (Sii Ling dan Mohamad Sani, 2013). Hal ini mendorong pengkaji untuk mewujudkan pembolehubah mediator sebagai mekanisme penting terhadap hubungan gaya kepimpinan transformasi dan komitmen organisasi. Kajian lepas mendapati bahawa pengupayaan psikologi sangat berkaitan rapat terhadap kepimpinan (Janssen, 2005; Spreitzer *et al.*, 1995) dan komitmen organisasi (Aziah *et al.*, 2016). Ini disokong oleh Spreitzer dan Quinn (1999) bahawa ketua yang mempunyai pengupayaan psikologi tinggi memberi inspirasi secara kreatif kepada pekerja agar komited dan inovatif terhadap pekerjaan. Forrester (2000) juga bersetuju sikap dan tingkah laku pekerja seperti persepsi terhadap pekerjaan iaitu pengupayaan psikologi berupaya mempengaruhi komitmen organisasi. Dengan mengambil kira pernyataan tersebut, pengkaji beranggapan hubungan antara gaya kepimpinan terhadap komitmen organisasi memerlukan mediator pembolehubah pengupayaan psikologi. Ini kerana

pengkaji menjangkakan akan wujud kebarangkalian untuk pengupayaan psikologi bertindak sebagai mediator terhadap hubungan gaya kepimpinan transformasi dan komitmen organisasi.

1.4 Persoalan Kajian

- 1.4.1 Adakah terdapat kesan yang signifikan gaya kepimpinan transformasi terhadap komitmen organisasi dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan JPNJ?
- 1.4.2 Adakah terdapat kesan yang signifikan gaya kepimpinan transformasi terhadap pengupayaan psikologi dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan JPNJ?
- 1.4.3 Adakah terdapat kesan yang signifikan pengupayaan psikologi terhadap komitmen organisasi dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan JPNJ?
- 1.4.4 Adakah terdapat kesan yang signifikan pengupayaan psikologi sebagai perantara terhadap hubungan di antara gaya kepimpinan transformasi dan komitmen organisasi dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan JPNJ?

1.5 Matlamat Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh pengupayaan psikologi sebagai perantara terhadap hubungan antara gaya kepimpinan transformasi dan komitmen organisasi dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ).

1.6 Objektif Kajian

- 1.6.1 Mengenal pasti kesan yang signifikan gaya kepimpinan transformasi terhadap komitmen organisasi dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan JPNJ.
- 1.6.2 Mengenal pasti kesan yang signifikan gaya kepimpinan transformasi terhadap pengupayaan psikologi dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan JPNJ.
- 1.6.3 Mengenal pasti kesan yang signifikan pengupayaan psikologi terhadap komitmen organisasi dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan JPNJ.
- 1.6.4 Mengenal pasti kesan yang signifikan pengupayaan psikologi sebagai perantara terhadap hubungan di antara gaya kepimpinan transformasi dan komitmen organisasi dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan JPNJ.

1.7 Skop Kajian

Skop pertama kajian ini adalah lokasi dan responden dalam kajian. Kajian ini dijalankan dalam di Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ). Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti amalan kepimpinan transformasi di JPNJ. Ini kerana JPNJ telah melaksanakan pengurusan amalan kepimpinan transformasi menerusi Pelan Perancangan Matlamat Strategik JPNJ (2009-2011) dalam usaha meningkatkan kompetensi dan kualiti kepimpinan pengurusan pendidikan di negeri Johor. Sasaran utama kajian adalah dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional bergred DG41, DG44, DG48, DG52 dan DG54. Rasional pemilihan responden adalah kerana mereka terlibat secara langsung dalam bidang pengurusan yang menggunakan pendekatan kepimpinan transformasi bagi tujuan meningkatkan kompetensi kepimpinan pengurusan pendidikan.

Skop kedua kajian adalah pembolehubah kajian. Tiga pembolehubah yang terlibat dalam kajian ini adalah komitmen organisasi, kepimpinan transformasi dan

pengupayaan psikologi. Setiap pembolehubah mempunyai instrumen masing-masing. Instrumen bagi komitmen organisasi adalah daripada *Organizational Commitment Questionnaire* (OCQ) yang dibina oleh Allen dan Meyer (1997). Tiga dimensi yang diukur dalam instrumen ini adalah komitmen afektif, komitmen berterusan dan komitmen normatif. Instrumen kepimpinan transformasi adalah daripada *Multifactor Leadership Questionnaire* (MLQ) yang dibina oleh Bass (1985). Instrumen ini mempunyai empat dimensi iaitu kepimpinan karismatik (pengaruh yang ideal), pertimbangan individu, merangsang intelektual dan motivasi inspirasi. Instrumen bagi pengupayaan psikologi adalah *Psychological Empowerment Questionnaire* (PEQ) daripada Spreitzer (1995). Dimensi-dimensi yang diukur dalam instrumen ini adalah makna, kompetensi, keazaman sendiri dan impak.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kekangan yang tidak dapat dielakkan. Pertamanya adalah pemilihan responden dalam kajian ini adalah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional bergred G41 hingga DG54 di Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ). Justeru, keputusan kajian yang diperolehi akan hanya mewakili Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) sebagai organisasi pendidikan. Pemilihan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan bergred DG41, DG44, DG48, DG52 dan DG54 adalah kerana mereka terlibat secara langsung dalam bidang pengurusan yang melaksanakan kepimpinan transformasi berdasarkan Pelan Strategik JPNJ (2009-2011).

Keduanya adalah reka bentuk kajian yang digunakan adalah deskriptif dan hubungan. Kaedah keratan lintang (*cross-sectional*) digunakan dalam kajian ini. Kaedah pengumpulan data adalah melalui penggunaan borang soal selidik. Kaedah analisis deskriptif, regresi linear mudah dan analisis regresi berganda digunakan untuk tujuan analisis data.

1.9 Kepentingan Kajian

1.9.1 Organisasi

Kajian ini penting untuk menilai amalan kepimpinan transformasi dalam organisasi JPNJ bagi meningkatkan kompetensi dan kualiti kepimpinan pengurusan organisasi. Dapatan kajian dapat dijadikan sebagai panduan dalam usaha JPNJ memberi fokus utama terhadap kepimpinan transformasi bagi merealisasikan 30 Flagships (inisiatif) yang menjadi teras pengurusan kepimpinan pendidikan (Jabatan Pendidikan Negeri Johor, 2009). Langkah-langkah susulan wajar dirancang, ditambahbaik dan dikukuhkan oleh JPNJ menerusi Perancangan Strategik, Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) agar sesuai dan praktikal dalam melaksanakan kepimpinan transformasi. Dapatan kajian juga dapat digunakan untuk tujuan penambahbaikan modul latihan kepimpinan transformasi JPNJ agar relevan untuk diimplemenkan sebagai polisi kepimpinan dalam meningkatkan kecemerlangan organisasi. Ini disokong oleh Raemah dan Rosli (2011) bahawa kepimpinan transformasi sesuai dijadikan polisi kepimpinan dalam institusi pendidikan. Selain itu, kualiti dan kompetensi kepimpinan transformasi dalam organisasi dapat ditingkatkan melalui pendekatan penggunaan modul latihan yang dirancang dengan rapi dan bersepadu (Jabatan Pendidikan Negeri Johor, 2009).

1.9.2 Bidang Ilmu

Kajian ini berupaya menjadi sumber ilmiah dan medium penyaluran maklumat kepada pelbagai pihak seperti sektor perkhidmatan awam dan sektor swasta. Dapatan kajian ini diyakini berguna sebagai sumber rujukan ilmiah kepada pengkaji akan datang menerusi medium penyaluran maklumat seperti majalah, risalah dan buletin khususnya dalam sektor perkhidmatan awam (Zaharah *et al.*, 2009). Menerusi kajian ini, ianya dapat membantu membuka ruang dan peluang kepada pengkaji akan datang untuk meneroka disiplin ilmu bidang pembangunan sumber manusia khususnya pengupayaan psikologi. Lebih banyak artikel dan jurnal yang berkualiti berkaitan pengupayaan psikologi dapat dihasilkan oleh pengkaji akan datang untuk

tujuan pembentangan atau penerbitan ilmiah. Dapatan dan penemuan hasil kajian ini juga dapat dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pengkaji lain dalam menghasilkan kajian yang lebih baik di sektor swasta.

